



**AKAUN RASMI
MEDIA SOSIAL
BERITA RTM**

Berita RTM **@b**
 @beritartm

TERKINI Ringgit dibuka tinggi berbanding dolar AS menjelang PRN N.Sembilan Dua remaja maut dalam kemalangan melibatkan tiga kenderaa

Sains jantina dan amanah pendidikan perubatan

🕒 17/03/2026 | 9:02 AM - 👁 49 - 📄 PERSPEKTIF



Gambar hiasan/RTM

SAUDARA PENGARANG

RINGKASAN BERITA AI

Jantina ditentukan secara biologi dalam rahim melalui kromosom XX atau XY dan gen SRY, bukan keputusan rawak.

Terapi pengesahan dan ubat penghalang baligh mempunyai bukti jangka panjang terhad dan membawa risiko kesihatan serius termasuk tulang rapuh dan kemandulan.

Profesion perubatan adalah amanah berlandaskan Tawhid; doktor mesti berpandukan sains dan nilai agama dalam membuat keputusan klinikal.

Pendekatan etika dan empati mengutamakan rawatan jiwa dan psikologi sebelum mempertimbangkan pembedahan atau hormon yang mengubah fitrah.

Kebelakangan ini, masyarakat sering disajikan dengan pelbagai kempen di media sosial yang mendakwa bahawa jantina seseorang hanyalah satu “perasaan” atau “konstruk sosial” yang boleh berubah mengikut kehendak individu.

Naratif sebegini sering disertai slogan bahawa jantina kononnya “ditetapkan sewaktu lahir” (assigned at birth), satu kedengaran puitis atas nama kebebasan diri, namun sebenarnya sangat bercanggah apabila helaian buku sains anatomi aiselar dan falsafah penciptaan manusia ditelusuri.

Persoalan besar yang perlu dihadapi ialah adakah tubuh badan manusia ini ibarat se ganti sesuka hati, dan adakah bakal doktor di universiti dilatih untuk sekadar mengey mudarat kesihatan jangka Panjang.

Dari sudut sains biologi yang paling asas, jantina manusia tidak ditetapkan secara raw ia telah pun terbentuk dengan sempurna di dalam rahim ibu lagi. Secara biologi, man halus di dalam sel yang membawa kod genetik atau “pelan induk” tubuh kita.



**Breaking News:
Insiden penting sedang berlaku**

Mahu Ikuti kemas kini secara langsung?

Ya, aktifkan

Tidak sekarang

🔔 Hello! Tanyakan apa sahaja kepada saya.

DISYORKAN

Deepfake e-dagang: Taktik AI generatif dan realiti keselamatan pengguna

Manusia dilahirkan dengan kromosom XX bagi perempuan dan XY bagi lelaki. Pada kromosom Y milik lelaki, terdapat satu genetik penentu yang dipanggil gen SRY (Sex-determining Region Y) yang bertindak ibarat “suis utama” kehidupan.

Jika suis ini ada dan dihidupkan sejak dalam rahim, tubuh janin akan secara automatik memproses hormon dan membentuk anatomi seorang lelaki, manakala ketiadaan suis ini akan membentuk anatomi perempuan.

Ia adalah reka bentuk asal yang sangat terperinci dan mutlak. Sebarang cubaan untuk memanipulasi fitrah penciptaan ini secara biologi pasti akan mengganggu sistem fisiologi tubuh yang sedia harmoni.

Kini, wujud rawatan dari Barat yang dikenali sebagai “terapi pengesahan” (affirmative therapy) di mana remaja yang keliru dengan identiti mereka diberikan ubat penghalang baligh untuk menekan proses tumbesaran biologi yang semula jadi.

Jika diibaratkan seperti sebatang pokok yang sedang rancak membesar kemudian disekat keperluan asalnya, begitulah gangguan yang dialami oleh fisiologi manusia.

Kebimbangan mengenai kesan jangka panjang rawatan ini bukan sekadar teori; buktinya, laporan bebas yang sangat berpengaruh seperti *Cass Review* di United Kingdom (2024) telah membawa kepada sekatan penggunaan ubat penghalang baligh untuk kanak-kanak dan remaja kerana kekurangan bukti saintifik yang kuat mengenai manfaat jangka panjangnya.

Kajian klinikal antarabangsa secara jelas merekodkan bahawa ubat penghalang baligh dan hormon silang jantina membawa risiko kesihatan yang besar, antaranya termasuklah penurunan ketumpatan mineral tulang yang menyebabkan tulang rapuh, perubahan tekanan darah, gangguan fungsi metabolisme, serta risiko kemandulan kekal.

Sistem badan manusia mempunyai keseimbangan yang sangat harmoni atau homeostasis. Apabila sistem yang sihat ini dipaksa menerima hormon luaran secara agresif, ia bukanlah satu rawatan perubatan yang memulihkan, tetapi satu bentuk pencerobohan fisiologi yang merosakkan jasad.

Fakta sains yang nyata ini membawa kepada satu persoalan penting dalam mendidik doktor generasi masa depan tentang bagaimana menangani pesakit yang mengalami kecelaruan identiti. Di sinilah Epistemologi Tawhid atau Kesatuan Ilmu memainkan peranan yang sangat kritikal di universiti.

Dalam acuan perubatan sekular, tubuh badan sering dianggap sebagai hak milik mutlak pesakit dan tugas doktor hanyalah sebagai penyedia perkhidmatan yang memuaskan kehendak pelanggan. Namun, falsafah perubatan berteraskan Tawhid menolak pemisahan antara sains fizikal dan nilai agama melalui prinsip Wahdatul ‘Ilm.

Dalam kerangka ini, profesion perubatan itu sendiri dilihat sebagai satu amanah, di mana anatomi tubuh manusia adalah ciptaan yang perlu dipelihara selari dengan matlamat memelihara nyawa, akal, dan keturunan.

Ini bermakna, apabila seorang pesakit datang dengan konflik kecelaruan jantina (gender dysphoria), tugas seorang doktor bukanlah sekadar menawarkan pembedahan atau ubat hormon untuk mengubah organ yang sedia sihat.

Sebaliknya, doktor berfungsi sebagai pengamal perubatan yang beretika, menggunakan pendekatan empati dan kasih sayang untuk merawat punca isu yang berakar di peringkat jiwa dan psikologi.

Doktor yang dilengkapi dengan pemikiran Tawhid akan membimbing pesakit mencari “jalan pulang” ke arah fitrah sebenar. Ini kerana ramai individu yang terjebak dengan kecelaruan ini sebenarnya sedang bergelut mencari ketenangan jiwa dan makna hidup, bukannya memerlukan pisau pembedahan.

Kesimpulannya, menangani isu kecelaruan jantina bukanlah sekadar perdebatan teori; ia merupakan amanah besar untuk melindungi kesihatan dan memelihara keseimbangan.

Kulliyyah perubatan memikul tanggungjawab berat untuk melahirkan barisan doktor yang berpegang teguh pada amanah Tuhan.

Kita memerlukan pengamal perubatan yang sedar bahawa melindungi manusia daripada manipulasi ideologi yang merosakkan jasad dan jiwa adalah kemuncak profesionalisme yang sebenar dalam dunia perubatan moden.

Artikel ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan mahu pun pendirian rasmi RTM.



Breaking News:
Insiden penting sedang berlaku

Mahu Ikuti kemas kini secara langsung?

Ya, aktifkan

Tidak sekarang

Helo! Tanyakan apa sahaja kepada saya.



Dr Azril Shahreez Abdul Ghani
Pensyarah Fisiologi dan Pendidikan Perubatan
Kulliyyah Perubatan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
e-mel: azrilshahreez@iium.edu.my



Prof. Dr. Rafidah Hanim Mokhtar
Presiden WAFIQ/Profesor Fisiologi
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
Universiti Sains Islam Malaysia




Membudaya sokongan inklusif mahasiswa OKU dengan sistem 'buddy' Penentuan 1 Syawal satu warisan ibadah



PALING POPULAR

Jet peribadi terhempas, timbalan menteri dan empat maut




Iran berjaya bedil USS Abraham Lincoln



KATA KUNCI


doktor perubatan

BERITA TERKINI



Penjaga gol rebah, meninggal dunia di padang ketika pertandingan sepak penalti

27 Julai 2026 9:43 am



Ringgit dibuka tin PRN N.Sembilan

27 Julai 2026 9:38 am



Breaking News:
Insiden penting sedang berlaku

Mahu Ikuti kemas kini secara langsung?

Ya, aktifkan

Tidak sekarang

Hello! Tanyakan apa sahaja kepada saya.



Dua remaja maut dalam kemalangan melibatkan tiga kenderaan

27 Julai 2026 9:35 am



DR Congo rekod lebih 3,000 kes Ebola

27 Julai 2026 9:30 am

MS



Kontraktor rugi lebih RM150,000 terpedaya tawaran tender palsu

27 Julai 2026 9:28 am



MARA sedia kongsi kajian sifar buli MRSM dengan KPM, tempatkan warden bekas tentera

27 Julai 2026 9:21 am



Banjir Tawau: Jumlah penduduk terjejas kekal 362 orang

27 Julai 2026 9:04 am




Glasgow 2026 : Angkat berat cetus hari gemilang Malaysia dengan dua emas, satu gangsa

27 Julai 2026 8:59 am



Glasgow 2026: Muhamad Aznil rangkul emas ketiga berturut-turut, cipta tiga rekod temasya


27 Julai 2026 8:30 am



46 kru kapal Vietnam di Laut China Selatan diselamatkan

27 Julai 2026 6:38 am

MESTI BACA



F1 kembali ke Malaysia Oktober depan

26 Julai 2026 7:29 pm



Tiada rakyat Malaysia terjejas dalam insiden serangan di Berlin – Kedutaan

26 Julai 2026 6:02 pm



PM rayu pengundi awal terus beri kepercayaan kepada calon HARAPAN

26 Julai 2026 5:58 pm



Kempen Internet Selamat perkukuh kesedaran digital generasi muda

26 Julai 2026 2:35 pm



Semangat patriotik, literasi digital perlu sentiasa dipupuk dalam kalangan belia

26 Julai 2026 12:45 pm



Berita Ehwat Semasa

Berita RTM, Wisma Berita,
Angkasapuri Kota Media,
50614 Kuala Lumpur

☎ : +60322823119
✉ : portalberita@rtm.gov.my
💬 : Aduan & Maklum balas

Hak Cipta Terpelihara © 2026 Radio Televisyen Malaysia, Berita Ehwat Semasa (BES)



Hak Cipta | Penafian |

Pihak Portal Berita RTM tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan dalam laman ini.



Breaking News:
Insiden penting sedang berlaku

Mahu Ikuti kemas kini secara langsung?

Ya, aktifkan

Tidak sekarang

He! Tanyakan apa sahaja kepada saya.